

**PENELITIAN SUSUN ATUR AKAD DALAM BORANG TAKAFUL KENDERAAN DI
MALAYSIA: KAJIAN PERBANDINGAN BORANG TAKAFUL KENDERAAN DI
MALAYSIA DAN JORDAN**

Hazmi bin Dahlan
Mohd. Rahimie bin Abd. Karim
Syed Azizi Wafa Syed Khalid Wafa
Hanudin Amin
Ahmad Aizuddin Bin Hamzah
Mohamad Azmi Bin Abdullah
Najwa Binti Mohd Khalil
Nurul Izzati Binti Abd Razak
Universiti Malaysia Sabah

ABSTRAK

Takaful ialah alternatif kepada insurans konvensional yang telah difatwakan haram oleh jumhur ulama kerana mengandungi unsur-unsur riba, gharar, dan perjudian. Walau bagaimanapun akad takaful yang berteraskan tabarru' masih wujud kekurangan antaranya, ianya banyak menyerupai insurans biasa daripada segi penjualan polisi perlindungan, pengurusan dana dan dalam proses pengunderaitan serta pengkelasan risiko yang menjadikannya lebih rumit untuk difahami oleh masyarakat. Berdasarkan susun atur dan perletakan ayat dalam borang akad takaful kenderaan berkemungkinan menjadikan penyebab sumber kekeliruan pemahaman dalam membuat akad dan pengendalian borang akad takaful kenderaan yang hampir menyerupai konsep insurans konvensional. Hal ini boleh menimbulkan kebimbangan dan kajian perlu dijalankan terhadap perletakan konsep akad di dalam helaian borang daripada pelbagai segi terutamanya dengan melihat bagaimana negara lain seperti negara Jordan menghasilkan borang akad takaful kenderaan mereka sebagai langkah memurnikan urusan akad itu sendiri.

Kata kunci: Takaful, Insurans, Borang, Akad, Malaysia, Jordan

Definisi dan Pengenalan

Takaful merupakan satu konsep insurans yang berasaskan muamalat Islam dan berlandaskan hukum syariah. Hendon Redzuan, (2005), mendefinisikan takaful dari segi istilah sebagai penyertaan sekumpulan individu dalam satu skim yang membolehkan mereka bekerjasama dalam menanggung sebarang kemudaratan yang berlaku terhadap salah seorang ahli peserta dengan cara membayar pampasan yang munasabah kepada ahli yang ditimpa kemudaratan melalui wang yang disumbangkan oleh peserta-peserta yang dibayar secara ansuran.

Takaful ialah insurans yang berpandukan pada asas-asas dan hukum-hukum syariah dalam agama Islam yang menggunakan konsep tabarru' iaitu sumbangan kebajikan dan ta'awun iaitu kerjasama dan tolong-menolong di mana para peserta memberi sumbangan ke atas tabung khas yang akan digunakan bagi tujuan menolong peserta yang ditimpa musibah. Takaful juga merupakan alternatif kepada insurans konvensional yang dikategorikan sebagai haram kerana mengandungi unsur-unsur yang dilarang dari segi perundangan syariah seperti riba, gharar iaitu ketidakpastian, dan maysir iaitu perjudian. Akta Takaful telah dikuatkuasakan pada tahun 1984 di Malaysia dan pengendali takaful yang pertama telah diperbadankan di Malaysia pada bulan November 1984.

Hadis pengharaman riba,

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الصَّبَّاحِ وَزُهَيْرُ بْنُ حَرْبٍ وَعُثْمَانُ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ قَالُوا حَدَّثَنَا هُشَيْمٌ أَخْبَرَنَا أَبُو الزُّبَيْرِ عَنْ جَابِرٍ قَالَ لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ آكِلَ الرِّبَا وَمُؤْكِلَهُ وَكَاتِبَهُ وَشَاهِدِيهِ وَقَالَ هُمْ سَوَاءٌ

Daripada Jabir r.a kata beliau: 'Rasulullah s.a.w melaknat pemakan riba, yang memberi makan, penulis (perjanjian riba), dan saksi-saksinya'. Dan baginda berkata: "Mereka adalah sama". [Riwayat Muslim & Ahmad] (Hadis No. 850 kitab sahih Muslim. Bab riba).

Sula, (2014), menyatakan bahawa insurans dalam bahasa Arab dikenali sebagai "at-ta'min" yang berasal dari perkataan asal "aman" yang memberi makna memberi perlindungan, ketenangan, rasa aman dan bebas dari rasa takut. Pengendali takaful dikenali sebagai "mu'ammin" dan peserta takaful dikenali sebagai "mu'amman lahu" atau "musta'min". Berbalik semula kepada perkataan Arab "at-ta'min" secara mudahnya difahami sebagai individu yang membayar wang untuk tujuan perlindungan atas apa-apa yang disepakati.

Konsep dan Pengamalan Takaful di Malaysia

Pengaplikasian takaful di Malaysia pada awal tahun 1980-an merupakan idea untuk alternatif kepada insurans konvensional yang dapat memenuhi syarat Syariah serta dapat melengkapkan operasi Bank Islam yang ditubuhkan pada tahun 1983. Mohd Isa Mohd Deni, (2009), keputusan aplikasi Takaful Malaysia adalah dipengaruhi sebahagian oleh Fatwa Kebangsaan Malaysia yang

mengeluarkan kenyataan bahawa insurans hayat yang diguna pakai sekarang adalah satu kontrak yang tidak sah kerana di dalamnya terkandung unsur-unsur Gharar iaitu ketidakpastian, Riba' dan Maisir iaitu perjudian. Pembangunan Takaful di Malaysia adalah mengikut beberapa fasa yang dirangkakan sendiri oleh Bank Negara Malaysia.

Beberapa jenis akad yang terkandung dalam urusan akad takaful adalah akad Tabarru' yang bermaksud hadiah, derma atau caruman. Pemegang skim takaful bersetuju untuk memberikan sebahagian daripada caruman atau bayaran mereka dalam satu kumpulan wang takaful sebagai derma dalam memenuhi konsep membantu para peserta lain yang sedang menghadapi kesulitan. Nurul Ichsan, (2007), tabarru' juga merangkumi unsur perkongsian tanggungjawab antara satu sama lain, identiti bersama dan melindungi dan konsep akad ini sangat terkenal dalam pengamal takaful di Malaysia dan wakalah adalah melantik atau memberikan amanah kepada seseorang untuk melaksanakan sesuatu tugas selama mana ia mengikut undang-undang. Di bawah rangka model ini, konsep wakil digunakan untuk aktiviti penajaan jaminan (underwriting) dan pelaburan. Di dalam konsep ini, operator takaful akan bertindak sebagai wakil kepada peserta-peserta yang membayar skim dan akan mengendalikan dana takaful tersebut. Semua risiko akan ditanggung oleh dana dan lebih kendalian akan dimiliki sepenuhnya oleh peserta. Akan tetapi operator takaful secara langsung tidak terlibat dalam sebarang kerugian.

Rukun Akad

Rukun akad secara muafakatnya ulama bersepakat menggunakan ada tiga perkara iaitu Sighah, Subjek akad iaitu al-a'qidain dan sesuatu yang diakadkan iaitu ma'qud alaih. Mazhab Maliki, Mazhab Syafi'e, dan Mazhab Hambali mengatakan bahawa akad mempunyai tiga rukun, iaitu pihak yang mengikat kontrak, perkara yang dikontrakkan dan sighah. Anitha Rosland dan Joni Tamkin Borhan, (2013). Namun begitu Mazhab Hanafi pula mengatakan bahawa rukun akad itu cuma sighah untuk tawaran dan penerimaan sahaja. Ini adalah kerana, sighah semestinya memerlukan orang yang melakukan akad, dan ia juga memerlukan perkara yang diakadkan dan hasil dari khilaf pendapat ulama-ulama yang disebutkan tadi pengkaji akan menjadikan tiga rukun akad ini sebagai pemboleh ubah tidak bersandar (Independent variable) sebagai penilaian kajian ini mengenai struktur isi kandungan borang akad takaful kenderaan.

1. Sighah

Merupakan satu ungkapan yang melibatkan ijab dan juga qabul dalam suatu urusan tertentu. Ijab adalah suatu pernyataan janji atau penawaran dari pihak pertama untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu. Faturrahman Djamil, (2001), qabul adalah suatu pernyataan menerima dari pihak kedua atas penawaran yang dilakukan oleh pihak pertama Ijab melibatkan beberapa perkara tertentu iaitu, lisan, tulisan, isyarat dan perbuatan. Sebagai contoh melibatkan lisan, hal ini amat jelas melalui lafaz akad jual beli iaitu dengan mengungkapkan kehendak antara penjual dan juga pembeli. Manakala tulisan pula melibatkan pihak yang tidak dapat melakukan ijab secara lisan atau bersuara dengan jelas, mahupun bertemu secara langsung.

Dalam takaful, ejen bagi syarikat takaful merupakan wakil bagi pihak syarikat takaful, iaitu pihak yang memberi kontrak. Ahmad Jazlan dll, (2015), akad adalah sah walaupun kedua-dua pihak tidak berada dalam satu majlis akad. Kontrak secara bertulis dibenarkan syarak asalkan ia memenuhi dua syarat iaitu mustabinah wa marsumah Maksud mustabinah ialah tulisan itu kekal yang mana ia ditulis di atas satu benda yang dapat mengekalkannya seperti kertas, papan tulis, tanah, ukiran di atas kayu dan tidak sah ditulis di atas air dan udara. Manakala marsumah bermaksud tulisan itu ditulis dengan cara tulisan yang biasa diamalkan oleh orang ramai seperti dalam urusan surat-menyurat hari ini. Dalam akad takaful, pihak yang menerima kontrak harus menandatangani perjanjian kontrak bagi menyatakan bahawa beliau menerima akad tersebut.

2. Subjek akad (al-a'qidain)

Melibatkan dua pihak atau lebih yang saling terikat dengan akad tertentu. Kedua belah pihak yang telah dipersyaratkan ini harus memiliki beberapa kelayakan untuk melakukan suatu akad sehingga akad tersebut dianggap sah serta berkemampuan dalam membezakan perkara yang baik dan buruk. Haruslah pihak yang terlibat itu berakal dan baligh kerana tanpa sifat ini akad tidak akan terlaku. Shalah ash-Shawi dan Abdullah al-Mushlih, (2008), pihak yang terlibat dalam melakukan akad juga hendaklah bebas membuat pilihan dan termasuklah ke atas keadaan subjek akad. Hal ini merujuk kepada tidaknya unsur paksaan yang terlibat dalam transaksi yang melibatkan pihak yang lain. Sebagai contoh berlakunya masalah yang melibatkan hutang dan memaksa membuat akad kerana salah seorang dari pihak itu mempunyai kuasa memaksa melakukan akad kerana faktor pemilik hutang

3. Sesuatu yang diakadkan (ma'qud alaih)

Merujuk kepada barang yang terlibat dalam jual beli. Barang yang terlibat haruslah suci, dan barang tersebut dapat dibersihkan seandainya kotor terkena najis. Seterusnya barang tersebut dapat memberi manfaat kepada pengguna ataupun pihak yang melakukan urusan terbabit. Sebab itu jual beli kulit bangkai dibolehkan sepanjang memiliki manfaat kepada pihak yang membelinya. Namun seandainya barang tersebut bermanfaat tetapi melibatkan perkara yang haram, urusan ini adalah tidak dibenarkan dalam Islam, kerana dapat memudaratkan pihak yang terlibat sebagai contoh minuman keras, sumber najis, sumber haiwan haram mutlak seperti anjing dan khinzir dan seumpamanya. Barang yang terlibat haruslah jelas dan dikenali kerana dilarang untuk menjual sesuatu barang yang tidak jelas akan keberadaannya, agar tidak terjadi masalah atau persengketaan antara pihak terbabit apabila urusan jual beli itu dijalankan. Sekiranya terdapat cacat cela pada barang tersebut, haruslah diberitahu dengan jelas.

Antara produk yang diadakan dalam penyempurnaan akad di dalam takaful ialah takaful keluarga dan takaful am. Mohd Asri Omar, (2014), takaful keluarga menawarkan faedah perlindungan dan simpanan jangka panjang dimana ia memberi manfaat dalam bentuk bantuan kewangan jika ditimpa kemalangan, memberi manfaat simpanan persendirian jangka panjang kerana sebahagian daripada caruman akan didepositkan ke dalam sebuah akaun untuk tujuan simpanan. Peserta juga boleh memilih sendiri tempoh matang pelan yang ingin dilanggan dan ia dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Takaful am perkhidmatan yang menyediakan perlindungan bagi satu jangka masa pendek, biasanya satu tahun, bagi sebarang kehilangan atau kerosakan kepada harta atau barangan peribadi. Antara risiko yang dilindungi takaful am adalah kerugian harta benda, contohnya kecurian kereta atau kebakaran rumah, liabiliti yang wujud akibat kerosakan kepada pihak ketiga yang disebabkan oleh anda dan kematian akibat daripada kemalangan atau kecederaan. Runi Hassan, (2011), Modus operandi iaitu prosidur untuk pelaksanaan hampir sama dengan takaful keluarga dari segi penglibatan peserta atas konsep tabaru` dan mudharabah sebagai melindungi sesama ahli ke atas kesangsaraan dan kerugian yang dialami. Antara produk yang terdapat dalam takaful am ialah motor dan non-motor. Ust. Wan Jemizan dan W. Deraman, (2014), Takaful motor menyediakan perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan kenderaan peserta atau kecederaan anggota badan pihak ketiga atau kematian, kerugian atau kerosakan harta benda

pihak ketiga akibat kebakaran yang tidak disengajakan, kecurian atau kemalangan. Manakala takaful non-motor terdiri daripada harta benda seperti takaful kebakaran, isi rumah dan pemilik rumah, kemalangan diri/kemalangan diri berkumpulan, kejuruteraan/industri, liabiliti serta perubatan dan kesihatan.

Fathurrahman Djamil, ada beberapa syarat akad yang perlu diketahui antaranya syarat terjadinya akad iaitu syuruth al-in'iqad, syarat sah akad iaitu syuruth al-shihhah, syarat pelaksanaan akad iaitu syuruth an-nafidz, dan syarat kepastian hukum syuruth al-iltizam.

Syarat terjadinya akad atau kontrak iaitu terbahagi kepada syarat umum dan syarat khusus. Di dalam syarat umum, rukun-rukun yang harus ada pada setiap akad adalah seperti orang yang berakad, objek akad, objek yang bermanfaat dan tidak melanggar syarak. Manakala bagi syarat khusus pula, syarat-syarat yang harus ada pada sebahagian akad dan tidak disyaratkan pada bahagian yang lain seperti perlu adanya saksi pada akad nikah iaitu aqd al-jawaz dan keharusan penyerahan barang akad pada al-'uqud al-'ainiyyah. Apabila merujuk kepada syarat sah akad daripada perspektif ulama Hanafiah, syarat sahnya akad ialah apabila terhindar dari enam perkara iaitu Al-Jahalah iaitu ketidakjelasan tentang harga, jenis dan spesifikasinya serta waktu pembayaran, Al-Ikrah iaitu keterpaksaan, Attauqit iaitu pembatasan waktu, Al Gharar iaitu unsur tipuan, Al-Dharar iaitu ada unsur kemudharatan, dan Al-Syartu al-fasid iaitu syarat-syaratnya rosak seperti pemberian syarat terhadap pembeli untuk menjual kembali barang yang dibelinya tersebut kepada penjual dengan harga lebih murah. Hirsanuddin, (2008), syarat pelaksanaan akad bermaksud berlangsungnya akad di mana ianya tidak bergantung kepada izin orang lain. Syarat berlakunya sebuah akad ialah adanya hak pemilikan terhadap barang untuk mengadakan akad baik secara langsung mahupun melalui perwakilan. Seterusnya, barang tersebut tidak terdapat hak orang lain ke atasnya.

Boleh dikhususkan oleh pengkaji mengenai syarat sah akad daripada pendapat ulama-ulama adalah seperti berikut:

- i. Jelas – Pelaku akad tahu spesifikasi objektif untuk diakad dari segi harga, sifat-sifat dan waktu.
- ii. Berpengetahuan – Waras akal fikiran yang boleh menilai manfaat atau kemudharatan objektif yang hendak diakad dan mengetahui sesama pelaku akad atau syarikat.

- iii. Bebas – Pelaku akad berhak pada diri mereka untuk membuat keputusan dan tidak bersyarat menyalahi syarak yang memaksa pelaku akad untuk tujuan tertentu.
- iv. Hak pemilikan – Objek atau perkara yang hendak diadakan boleh dilakukan oleh pelaku akad tanpa terikat kepada pihak lain.
- v. Dibenarkan syarak – Objek dan perkara yang diakad tidak larangan syarak dari segi hukum haram contohnya najis tidak boleh diakad untuk muamalat dan tidak ada unsur penipuan.

Susun Atur Isi Kandungan Borang Takaful di Malaysia

Kajian ini hanya melibatkan sebuah syarikat takaful di Malaysia sebagai contoh bahan kajian iaitu daripada syarikat Etiqa Takaful dan kajian ini tidak meletakkan sebarang tuduhan kesalahan tapi hanya melihat aras perbezaan perletakan isi kandungan akad sebagai perbandingan ke arah lebih menjurus islamisasi sahaja.

Muka surat pertama: Perletakkan nota penting sebagai perhatian awal untuk pelanggan memahami segala kaitan dengan perundangan serta pengisian biodata pelanggan bermula. Saiz tulisan anggaran dalam saiz 8 ke 9 dengan perenggan jarak satu / tunggal. (Sila rujuk lampiran A)

Muka surat kedua: Mengandungi lima (5) pembahagian perkara iaitu maklumat lengkap perlindungan takaful yang dikehendaki, pengenalan pemandu, No Claim Discount (NCD), penditilan sewa beli kenderaan dan jenis perlindungan. Saiz tulisan anggaran dalam saiz 8 ke 9 dengan perenggan jarak satu perpuluhan lima (1.5) dan disilang dengan garisan serta kotak-kotak untuk ditanda. (Sila rujuk lampiran B)

Muka surat ketiga: Mengandungi tiga (3) perkara iaitu perakuan oleh pemohon, perakuan pemohon mengenai No Claim Discount (NCD) dan akad. Saiz tulisan anggaran dalam saiz 8 ke 9 dengan perenggan jarak satu perpuluhan lima (1.5) dan disilang dengan garisan serta kotak-kotak untuk ditanda tapi di bahagian akad saiz tulisan anggaran dala saiz 8 ke 9 dengan perenggan jarak satu / tunggal. (Sila rujuk lampiran C)

Muka surat keempat: Mengandungi sambungan akad yang diakhiri dengan tandatangan pemohon serta tarikh dan perkara kegunaan pejabat syarikat takaful dan alamat. Bahagian akad saiz tulisan anggaran dala saiz 8 ke 9 dengan perenggan jarak satu / tunggal dan bahagian

kegunaan pejabat saiz tulisan anggaran dalam saiz 8 ke 9 dengan perenggan jarak satu perpuluhan lima (1.5) dan disilang dengan garisan tapi saiz tulisan alamat anggaran antara saiz 5 ke 6 dengan perenggan jarak satu / tunggal. (Sila rujuk lampiran D)

Hasil penelitian terhadap borang ini, pengkaji mendapati bahawa kedudukan akad dalam borang takaful adalah terletak pada muka surat ketiga di perkara ketiga dan sambungan akad terletak di awal muka surat keempat.

Setelah pelanggan selesai menandatangani borang permohonan takaful pihak syarikat takaful akan memberikan sijil sebagai salinan penyertaan dan isi kandungan yang berkaitan dengan syarat dan sebagainya ditulis dengan saiz 8 ke 9 dengan warna tulisan hitam sahaja.

Susun Atur Isi Kandungan Borang Takaful di Jordan

Kajian ini hanya melibatkan sebuah syarikat takaful di Jordan sebagai contoh bahan kajian iaitu daripada syarikat The Islamic Insurance Co. Plc. dan kajian ini tidak meletakkan sebarang tuduhan kesalahan tapi hanya melihat aras perbezaan perletakan isi kandungan akad sebagai perbandingan ke arah lebih menjurus islamisasi.

Muka surat pertama: Mengandungi bahagian yang perlu dilengkapkan pelanggan takaful sebagai pengisian biodata pelanggan dan saiz tulisan anggaran dalam saiz 8 ke 9 dengan perenggan jarak satu/tunggal. (Sila rujuk lampiran E)

Muka surat kedua: Mengandungi satu (1) tajuk iaitu klausa insurans bersama dan saiz tulisan anggaran dalam saiz 12 ke 14 dengan perenggan jarak satu perpuluhan lima ke dua (double). (Sila rujuk lampiran F)

Muka surat ketiga: Mengandungi satu (1) tajuk iaitu peraturan timbangtara dan saiz tulisan anggaran dalam saiz 12 ke 14 dengan perenggan jarak satu perpuluhan lima ke dua (double). (Sila rujuk lampiran G)

Muka surat keempat: Mengandungi satu (1) tajuk iaitu peraturan takaful yang mengandungi lapan (8) perkara dan saiz tulisan anggaran dalam saiz 12 ke 14 dengan perenggan jarak satu setengah ke dua (double). (Sila rujuk lampiran H)

Hasil penelitian terhadap borang ini pengkaji mendapati bahawa kedudukan akad dalam borang takaful adalah terdapat pada surat kedua (2) di atas muka surat berasingan.

Setelah pelanggan selesai menandatangani borang permohonan takaful pihak syarikat takaful akan memberikan sijil sebagai salinan penyertaan dan isi kandungan yang berkaitan dengan syarat dan sebagainya ditulis dengan saiz 8 ke 9 dengan warna tulisan hitam dan merah serta mempunyai muka surat yang tidak terlekat untuk tajuk-tajuk khusus penjelasan.

Dapatan Kajian

Kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan di antara kedua-dua borang syarikat takaful tersebut yang diperolehi dari Malaysia dan Jordan, perbezaan tersebut ditunjukkan berdasarkan kepada jadual di bawah:

Negara	Malaysia	Jordan
Perletakan Akad	Muka Surat Ketiga	Muka Surat Kedua.
Saiz Perkataan	5 ke 6 untuk ayat akad. 8 ke 9 untuk borang. 8 ke 9 untuk sijil tulisan yang berwarna hitam sahaja	12 ke 14 untuk akad. 12 ke 14 untuk borang. 8 ke 9 untuk sijil tulisan yang berwarna hitam dan merah.
Jarak Antara Baris Ayat	Satu / tunggal dan 1.5	1.5 dan 2 (double)

Jadual: Perbezaan antara borang takaful Malaysia dan Jordan

Berdasarkan jadual di atas, borang takaful Jordan menunjukkan ciri-ciri kejelasan ayat yang nyata dan sangat mudah difahami serta memberikan gambaran yang jelas terhadap setiap patah perkataan yang diklausakan sebagai ayat-ayat perjanjian yang secara mudah untuk dikenal pasti kedudukan ayat dan kedudukan akad. Selain daripada itu, pengkaji mendapati bahawa kedudukan ayat yang terlalu padat dengan saiz yang kecil dan terlalu rapat pada setiap baris boleh menimbulkan kesukaran untuk dibaca dan dinilai makna keseluruhan isi kandungan borang takaful yang boleh menjurus kepada berlakunya akad tanpa ketuluan isi kandungan.

Oleh yang demikian, ianya akan menyumbang kepada kekeliruan akad yang membawa kepada terbatalnya akad yang disebabkan oleh salah seorang pelaku akad tidak memahami isi kandungan akad yang hendak dilakukan.

Kesimpulan dan Cadangan

Kepentingan dan sumbangan bidang keintelektualan pemerhati isi kandungan dan susun atur kontrak secara Islam adalah sesuatu yang sangat diperlukan kerana telah timbul pertikaian dan salah faham serta tidak selamat daripada kritikan-kritikan dalam akad yang dilakukan (Azman Mohd Noor, 2010). Seiring dengan perkembangan kewangan Islam penjelasan isi kandungan akad dalam borang takaful perlu diperbaiki dari semasa ke semasa sebagai fardhu kifayah untuk menjaga nilai-nilai Islam sebagai agama yang adil dan sesuai kepada semua zaman dan seiring perkembangan teknologi. Isu kandungan akad dalam borang takaful sentiasa dalam perbincangan oleh pakar-pakar Syariah dan perbankan yang menjadikan kekeliruan umat Islam.

Oleh yang demikian, akad-akad takaful dalam borang perlu dikaji semula daripada saiz tulisan dalam setiap perkara terutamanya yang berkaitan dengan akad serta jumlah perkataan yang digunakan supaya tidak terlalu banyak dan panjang susunatur ayat-ayat agar mudah difahami.

Klausa yang diguna pakai dalam borang takaful didapati terus menerus meniru daripada klausa kontrak insurans konvensional dan ini boleh menjadikan syarikat takaful dengan mudah untuk tidak menyerahkan tabungannya kepada pesertanya walaupun aspek "kerohanian" dan menjadi satu tarikan kepada setiap muslim untuk menyertai takaful, tetapi dalam industri takaful di Malaysia "pematuhan syariah" ditekankan itu tidak akan mencukupi sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam Nasrul Hisyam Nor Muhamad, (2010), dan klausa-klausa itu perlu dikaji semula untuk lebih menjurus kehendak Islam sebagai contoh akta ini digunapakai di Malaysia dan Singapura dan sepatutnya kita boleh cadangkan seperti akta ini digunapakai oleh mahkamah Syariah bahagian perundangan takaful kenderaan.

Muamalat Islam meletakkan suatu transaksi dinilai sah dan legal apabila ianya memenuhi syarat dan rukunnya secara umum seperti keseluruhan isi kandungan dan khusus seperti isi kandungan akad yang dikehendaki dalam takaful yang ditinjau dari berbagai aspek hukum, diantaranya

adalah tinjauan keabsahan iaitu keadaan sah dan kedudukan yang sah, penamaan, maksud dan tujuan objek transaksi benda atau manfaat, ada atau tidaknya hubungan dan pengaruh dengan transaksi lainnya dan bukan meletakkan berbagai klausa dan perkataan yang tidak berkaitan sebagai contoh “jika tidak jelas boleh berhubung dengan syraikat”. Penyataan mengenai makluman untuk menghubungi syarikat adalah telah tidak menjadi masalah utama dalam kontrak takaful sebab semua lapisan masyarakat faham ini boleh dengan mudah diperolehi melalui carian atas talian.

Berdasarkan situasi ini, pemahaman terhadap kandungan akad dalam borang takaful masih terdapat ruang yang perlu dikaji dari sudut pemahaman isi kandungan melalui cara pemudah fahaman susunan ayat dan perletakkan nota-nota penting terutama yang berkaitan dengan rukun-rukun serta syarat-syarat akad yang terkandung dalam borang akad takaful kenderaan melalui penelitian terhadap tinjauan kajian yang seterusnya.

Lampiran A: Borang Akad Takaful Kenderaan Malaysia Muka Surat Pertama



Takaful Motor Application Form

COMPLAINT

Important Notice:

- Etika Takaful Berhad (Etika Takaful) is licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 to transact both family and general takaful business in Malaysia and is regulated by Bank Negara Malaysia (BNM).
- Before you sign this Application Form, please read the IMPORTANT NOTICE below and if you require, obtain a full and detailed explanation of the notes mentioned from the agent.

1. In this application form, unless stated otherwise, the words "I/we, you/your, me/us and my/our" means Participant wherever applicable.
2. In accordance with the requirements of Paragraph 5 of Schedule 9 of the Financial Services Act 2013, you must answer all questions and make the required declarations in this application and these answers and declarations must be accurate and complete.
3. You must notify Etika Takaful in writing should there be a change to any answers or declarations in this application prior to the date of issuance of the certificate.
4. Please ensure that the agent has presented and fully explains the recommended product in the language that you understand and provides you with the product disclosure sheet and brochure (if any) for your consideration. Please seek clarification from the agent should you not understand any of the terms and conditions therein especially with regards to the benefits available and your duties under the certificate contract.
5. Please note that under Section 96(1) of the Islamic Financial Services Act 2013 (IFSA), an insurance contract of this type requires Contribution due to be paid and received by Etika Takaful before the takaful cover under the takaful contract commences. If this condition is not complied with, then the takaful contract shall not be effective and shall become void. Please also note that any person who has committed a breach of section 96(1) of IFSA, shall upon conviction be liable to a fine not exceeding RM5, 000,000 and RM1,000,000, for both Corporation and Individual respectively.
6. All contributions (if applicable) will be subject to relevant charges or taxes as deemed necessary by the Malaysian tax authorities. Please retain the receipt as proof of payment of contribution.
7. Please contact Etika Takaful's Customer Contact Centre if you do not receive the certificate within fourteen (14) business days from the submission of this application and all supporting documents.
8. Please notify the agent or Etika Takaful of any change in your correspondence address and contact details to enable Etika Takaful to effectively communicate with you.
9. You may cancel your certificate at any time by giving us a written notice. Upon cancellation, any refund of contribution would be based on the conditions stipulated in the certificate.
10. Please note that it is an offence under the law of the Republic of Singapore to enter the country without extending passenger liability cover to your motor takaful. Please ensure your passenger liability cover is sufficient if you intend to travel to Singapore with your vehicle.
11. Please cover your vehicle for a sum not less than its market value as you are liable to bear a ratable proportion of the loss in the event that the sum covered at the time of the loss is less than the market value by 10%.
12. In the event that your vehicle is involved in an accident and gives rise to a claim, your vehicle must be removed to a PIAM Approved Repairers Scheme (PARS) workshop which has been selected and approved by Etika Takaful, for repairs. Failure to remove your vehicle to an approved workshop would be a breach of Endorsement 106, and we shall have the right to decline liability under Section A of this certificate.
13. If you have an enquiry or require further information, please contact Etika Takaful's Customer Contact Centre via e-mail at info@etika.com.my or telephone within Malaysia 1 300 13 8888, If you have a complaint, dispute, or feedback, please contact Etika Takaful Complaints Unit via e-mail at cmu@etika.com.my, telephone within Malaysia at 1300 13 8888 or from overseas at +603 2780 4500, facsimile to +603 2785 3093, or by post at Complaints Management Unit, Level 4, Tower C, Dataran Maybank, No.1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur
14. The Consumer Education Programme is available at www.insuranceinfo.com.my. Enquiries, complaints, disputes and feedback may be referred Bank Negara Malaysia via e-mail at bnmtelelink@bnm.gov.my, telephone at +603-2698 8044, facsimile to +603 2693 4051, or by post to BNMLINK dan BNMTLELELINK, Jabatan LINK & Pejabat Wilayah, Tingkat 13C, Bank Negara Malaysia, P.O.Box 10922, 50929 Kuala Lumpur. You may refer to the Financial Mediation Bureau via e-mail at enquiry@fmb.org.my, telefon at +603 2272 2811, facsimile to +03 2272 1577, or by post to Level 25, Main Block, Menara Takaful Malaysia, No.4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur on any disagreement with regards to your claims.
15. In the event of accident, you are to immediately notify Etika Takaful in writing or call Etika Claims Assist at 1300 88 1007. Visit our website at www.etika.com.my to download the claim form. Complete and submit the claim form as soon as possible together with related documents to support the claim to our nearest branch.

Individual Application

Title _____

Name _____

IC No. _____

Army/Police/Passport No. _____

Gender _____ Date of Birth _____

Marital Status: Single Married Divorced Widowed

Occupation _____

Telephone No. _____

Mobile: _____ House: _____ Office: _____

Correspondence Address _____

Postcode _____ Town _____ State _____

Residential Address (if different from Correspondence Address) _____

Postcode _____ Town _____ State _____

Company Application

Company Name _____

Company Registration No. _____

Date of Company Registration _____

Contact Person _____

Nature of Business _____

Fax No. _____ E-Mail _____

Lampiran B: Borang Akad Takaful Kenderaan Malaysia Muka Surat Kedua

Details of Takaful Coverage Required				
Period of Takaful	From		To	
Use of Vehicle	Private Car		Motorcycle	Commercial Vehicle
	<input type="checkbox"/> Social	<input type="checkbox"/> Carrying Goods	<input type="checkbox"/> Single Rider <input type="checkbox"/> All Rider	<input type="checkbox"/> C Permit <input type="checkbox"/> A Permit
Type of Vehicle	<input type="checkbox"/> Private Hire	<input type="checkbox"/> Reconditioned	<input type="checkbox"/> Private Use <input type="checkbox"/> CBU (complete built up)	<input type="checkbox"/> Bus <input type="checkbox"/> CKD (complete knock down)
				Tonnage _____ Tonnage _____ Tonnage _____
Make & Model	Cubic Capacity		Vehicle No.	
Seating Capacity	Year Manufactured		Registration Card No.	
Engine No.	Chassis No.			
Date of Vehicle Purchased	Vehicle Purchase Price			
Place specify where vehicle is parked at night;	<input type="checkbox"/> Roadside or unguarded space	<input type="checkbox"/> Locked enclosed individual garage	<input type="checkbox"/> Guarded public or private car park	
Where the vehicle is usually kept at night?	<input type="checkbox"/> At Participant's address as per above	<input type="checkbox"/> At different location (please specify address)	Address: _____ Street: _____ Postcode: _____	
Safety Features	<input type="checkbox"/> Airbag (if ✓, no. _____)		<input type="checkbox"/> ABS Breaking System	
Anti-Theft Devices	<input type="checkbox"/> Sandblasting	<input type="checkbox"/> Alarm	<input type="checkbox"/> Immobilizer	
	<input type="checkbox"/> Gear or Steering Lock	<input type="checkbox"/> Tracking Device	<input type="checkbox"/> No security device added	
Drivers Particular				
	1st Driver		2nd Driver	3rd Driver
Full Name	The Participant			
IC No / Army / Police / Passport No.				
Date of Birth				
Occupation				
Relationship to the Insured				
Years of Driving Experience				
Type of Driving License	<input type="checkbox"/> L <input type="checkbox"/> P <input type="checkbox"/> Full <input type="checkbox"/> No driving license		<input type="checkbox"/> L <input type="checkbox"/> P <input type="checkbox"/> Full <input type="checkbox"/> No driving license	<input type="checkbox"/> L <input type="checkbox"/> P <input type="checkbox"/> Full <input type="checkbox"/> No driving license
Number of claims for the last 3 years (where you are at fault)				
Total Amount of Claim (RM)				
